



Ismail Sabri menyerahkan sumbangan kepada penerima sempena Jelajah Semarak Ramadan Parlimen Bera, di Masjid Al-Muttaqin, Kampung Mengkarak, semalam. (Foto Farizui Hafiz Awang/BH)

# PM minta rakyat laksana kawalan sendiri sambut raya

## Rumah Terbuka Perdana Menteri akan diadakan pada 8 Mei

**Bera:** Datuk Seri Ismail Sabri mengingatkan rakyat supaya terus melakukan kawalan sendiri apabila pulang menyambut Aidilfitri bersama keluarga di kampung kelak.

Walaupun banyak kelonggaran diberi selepas negara memasuki fasa peralihan ke endemik bermula 1 April lalu, Perdana Menteri mahu semua pihak terus mengutamakan penjagaan diri seperti lazimnya.

"Walaupun kawalan sendiri tidak diwajibkan, pemakaian pelitup muka masih diwajibkan. Saya harap masing-masing boleh melakukan kawalan sendiri untuk menjaga keselamatan diri, keluarga dan orang lain walaupun tiada lagi penjarakan fizikal," katanya.

Beliau ditemui selepas menyampaikan sumbangan Yayasan PETRONAS kepada golongan memerlukan termasuk golongan miskin, orang kurang upaya (OKU), anak yatim dan ibu tunggal di Masjid Al-Muttaqin,

Kampung Mengkarak di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, kerajaan berpegang dengan pendirian membenarkan rakyat pulang ke kampung menyambut Aidilfitri.

Malah, beliau menitip pesanan kepada mereka yang ditemuinya untuk meraikan hari raya dengan baik bersama keluarga selepas dua tahun tidak berbuat demikian susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan COVID-19.

Sebagai Perdana Menteri, beliau turut 'lari daripada kebiasaan' dengan tidak mengadakan rumah terbuka di Seri Perdana pada hari raya pertama yang menjadi kelaziman setiap kali Aidilfitri.

Katanya, ia bagi memberi peluang rakyat menyambut hari raya bersama keluarga terlebih dahulu.

"Saya sebut pada mereka (yang ditemui) bahawa anak-anak boleh balik beraya tahun ini.

"Saya percaya ramai yang sudah pun pulang ke kampung dari puasa pertama kerana jalan raya sesak teruk disebabkan ramai yang pulang berbuka di kampung.

"Kali ini, untuk beri peluang orang balik beraya, kita mengadakan Rumah Terbuka Perdana Menteri pada 8 Mei.

"Balik kampung dahulu beraya

dengan keluarga kerana sambutan malam sebelum raya memang ditunggu-tunggu untuk bersama-sama membuat persediaan," katanya.

Mengulas mengenai sumbangan disampaikan itu, Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera berkata, sumbangan wang tunai yang diagih kelmarin dan hari ini (semalam) kepada 4,800 penerima dari sekitar Parlimen Bera bertujuan membantu membuat persiapan menyambut Aidilfitri.

Umat Islam di Malaysia dijangka menyambut 1 Syawal pada 3 Mei ini dan Ismail Sabri berkata, rumah terbuka di Bera akan diadakan pada 7 Mei di Dataran Kerayong di sini.

Dalam majlis berasingan, Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan kepada golongan memerlukan di Masjid Kampung Batu Bor di sini.

Katanya, program bertujuan membantu meringankan beban golongan asnaf, ibu tunggal dan anak yatim di Bera dalam membuat persiapan menyambut Aidilfitri.

"Saya berharap sumbangan berkenaan sedikit sebanyak akan dapat membantu mereka untuk hari raya nanti dan bantuan seumpama ini sememangnya setiap tahun kita laksanakan," katanya.

BERNAMA